BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Ref. No.: 08/06/14 **EMBARGO: Untuk Siaran Segera**

Perkembangan Monetari dan Kewangan Julai 2006
Kenyataan Utama Siaran Akhbar

Pertumbuhan pembiayaan bersih sektor swasta berterusan

Pertumbuhan pembiayaan sektor swasta berterusan pada bulan Julai, dengan pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (PDS) terkumpul meningkat pada kadar tahunan 9.6%. Pada akhir bulan Julai, pinjaman terkumpul meningkat pada kadar tahunan 9.3% (akhir bulan Jun: 8.6%). Pinjaman terkumpul kepada sektor perniagaan meningkat pada kadar tahunan 5.4%, manakala pinjaman terkumpul kepada sektor isi rumah berkembang 12.7%. Aktiviti pemberian pinjaman bank yang meningkat berterusan juga dicerminkan oleh pengembangan selanjutnya dalam M1 dan M3, masing-masing meningkat pada kadar tahunan 9.7% dan 7.6 pada bulan Julai.

Sistem perbankan terus kukuh. Nisbah modal wajaran risiko (RWCR) stabil pada 12.9%, manakala pinjaman tidak berbayar bersih berdasarkan klasifikasi 6 bulan juga stabil pada 4.2% pada akhir bulan Julai 2006.

Ref. No.: 08/06/14 **EMBARGO: Untuk Siaran Segera**

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN JULAI 2006

Pertumbuhan pembiayaan bersih sektor swasta berterusan

Pertumbuhan pembiayaan sektor swasta berterusan pada bulan Julai, dengan pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (PDS) terkumpul meningkat pada kadar tahunan 9.6%. Pada akhir bulan Julai, pinjaman terkumpul meningkat pada kadar tahunan 9.3% (akhir bulan Jun: 8.6%). Pinjaman terkumpul kepada sektor perniagaan meningkat pada kadar tahunan 5.4%, manakala pinjaman terkumpul kepada sektor isi rumah berkembang 12.7%.

Dana kasar yang diperoleh daripada pasaran PDS terus kukuh sebanyak RM2 bilion pada bulan Julai (Jun: RM2 bilion). Dana diperoleh terutamanya oleh syarikat dalam sektor kewangan, harta benda dan pembinaan. Walau bagaimanapun, selepas mengambil kira penebusan bagi PDS dan bon Cagamas, pasaran PDS mencatat kedudukan penebusan bersih sebanyak RM891 juta pada bulan Julai. Jumlah dana yang lebih tinggi sebanyak RM417 juta diperoleh dalam pasaran ekuiti pada bulan Julai, terutamanya melalui tawaran awam awal.

Kadar deposit tetap purata dan kadar pinjaman asas purata institusi perbankan stabil pada bulan Julai dan pada separuh pertama bulan Ogos. Walau bagaimanapun, kadar pinjaman purata meningkat kepada 6.63% pada akhir bulan Julai (akhir bulan Jun: 6.55%) mencerminkan kombinasi pengeluaran pinjaman oleh beberapa bank perdagangan pada kadar pinjaman yang lebih tinggi serta pembayaran balik pinjaman yang berkadar lebih rendah oleh pelanggan mereka. Bagi kadar antara bank, kadar semalaman dan kadar 1 minggu adalah secara relatifnya stabil, tetapi kadar antara bank 1 bulan menurun pada awal bulan Ogos kerana jangkaan peserta pasaran mengenai kenaikan kadar faedah pada masa depan telah reda.

Pada tempoh 1 Julai – 29 Ogos, ringgit menyusut nilai berbanding dengan dolar AS dan euro, tetapi menambah nilai berbanding dengan yen Jepun. Ringgit dipengaruhi terutamanya oleh perkembangan dalam mata wang negara G3 dan kesannya terhadap mata wang lain. Ringgit menyusut nilai berbanding dengan won Korea sebanyak 0.7%, tetapi menyusut nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang serantau lain dalam lingkungan 0.4% - 4.0%.

Inflasi, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHP), meningkat kepada 4.1% pada bulan Julai (Jun: 3.9%). Pada bulan itu, kenaikan inflasi disebabkan terutamanya oleh harga yang lebih tinggi bagi barangan dalam kategori *makanan dan minuman bukan alkohol*. Harga *pengangkutan* terus mencatat kenaikan yang lebih tinggi akibat kesan sampingan daripada kenaikan harga runcit bahan api sejak bulan Mac 2006. Bagi kategori lain, harga pada umumnya tidak berubah atau mencatat kadar kenaikan yang lebih rendah. Sementara itu, kadar kenaikan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) sederhana kepada 8.9% pada bulan Jun (Mei: 11.1%), disebabkan terutamanya kenaikan harga yang lebih perlahan dalam kategori berkaitan komoditi berikutan kenaikan harga minyak mentah yang lebih sederhana pada bulan itu.

Wang secara kecil atau M1 berkembang pada kadar tahunan 9.7% pada bulan Julai (Jun: 10.1%). Sementara itu, wang secara luas atau M3 meningkat pada kadar tahunan yang lebih tinggi sebanyak 7.6% (Jun: 6.4%), didorong terutamanya oleh peningkatan aktiviti pemberian pinjaman bank yang berterusan.

Sistem perbankan terus kukuh. Nisbah modal wajaran risiko (RWCR) stabil pada 12.9%, manakala pinjaman tidak berbayar bersih berdasarkan klasifikasi 6 bulan juga stabil pada 4.2% pada akhir bulan Julai 2006.

Kadar deposit secara relatifnya terus stabil pada bulan Julai dan separuh pertama bulan Ogos

Pada tempoh 3 Julai – 28 Ogos, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat yang kecil antara 3.48% - 3.51%. Walaupun kadar antara bank pada tempoh matang 1 minggu secara relatifnya terus stabil, kadar antara bank 1 bulan menurun pada awal bulan Ogos kerana jangkaan peserta pasaran mengenai kenaikan kadar faedah pada masa depan telah reda.

Kadar deposit tetap (FD) purata bank perdagangan terus stabil pada bulan Julai dan separuh pertama bulan Ogos. Pada 15 Ogos, kadar disebut purata bagi deposit tetap bank perdagangan bagi tempoh pemegangan antara 1 hingga 12 bulan adalah stabil masing-masing pada 3.12% dan 3.76% (akhir bulan Jun: masing-masing pada 3.11% dan 3.75%). Dari segi kadar pinjaman, kadar pinjaman asas (BLR) purata bank perdagangan tidak berubah pada 6.72% pada bulan Julai. Sementara itu, kadar pinjaman purata (ALR) bank perdagangan meningkat kepada 6.63% pada akhir bulan Julai (akhir bulan Jun: 6.55%), mencerminkan kombinasi pengeluaran pinjaman oleh beberapa bank perdagangan pada kadar pinjaman yang lebih tinggi serta pembayaran balik pinjaman yang berkadar lebih rendah oleh pelanggan mereka.



Kadar antara bank semalaman purata terus stabil pada bulan Julai dan Ogos



Kadar antara bank satu bulan 1 bulan menurun pada awal bulan Ogos kerana jangkaan peserta pasaran mengenai kenaikan kadar faedah pada masa depan telah reda



BNM menyuntik mudah tunai ke dalam sistem perbankan pada bulan Julai

BLR purata bank





Nisbah pinjaman-deposit lebih rendah sedikit pada bulan Julai berikutan deposit yang meningkat dengan lebih cepat daripada pinjaman. Sementara itu, nisbah pembiayaan-deposit terus stabil

Struktur Terma Kadar Deposit Tetap Bank Perdagangan



	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Jun 06	3.11	3.18	3.32	3.45	3.75
Jul 06	3.12	3.19	3.34	3.48	3.76
15 Ogos 06	3.12	3.19	3.34	3.48	3.76

Kadar FD bagi bank perdagangan terus stabil pada bulan Julai dan separuh pertama bulan Ogos

Kadar Deposit Tetap Benar 3 Bulan



Kadar FD 3 bulan benar terus negatif

Ringgit menyusut nilai berbanding dengan dolar AS dan euro

Pada tempoh 1 Julai – 29 Ogos 2006, ringgit menyusut nilai berbanding dengan dolar AS dan euro, tetapi menambah nilai berbanding dengan yen Jepun. Ringgit dipengaruhi terutamanya oleh perkembangan mata wang negara G3 dan kesannya terhadap mata wang lain. Euro disokong oleh jangkaan yang berterusan bagi kenaikan selanjutnya kadar faedah tanda aras European Central Bank. Walau bagaimanapun, yen Jepun menyusut nilai dalam jangkaan bahawa Bank of Japan akan membiarkan kadar faedah kekal bagi tempoh selebihnya pada tahun ini selepas menaikkan kadar faedah tanda aras pada bulan Julai. Ringgit menambah nilai berbanding dengan won Korea sebanyak 0.7%, tetapi menyusut nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang serantau lain dalam lingkungan 0.4% - 4.0%.





Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih

RM kepada mata wang asing	Akhir tempoh				Perubahan %	
	Dis 05	Jun 06	Jul 06	29 Ogos 06	Akhir Dis 05 - 29 Ogos 06	Akhir Jun 06 - 29 Ogos 06
Dolar AS	3.7800	3.6750	3.6535	3.6795	2.7	-0.1
Euro	4.4867	4.6698	4.6653	4.7160	-4.9	-1.0
Paun sterling	6.5226	6.7352	6.8163	6.9820	-6.6	-3.5
100 yen Jepun	3.2229	3.1963	3.1946	3.1484	2.4	1.5
Dolar Singapura	2.2714	2.3126	2.3160	2.3372	-2.8	-1.0
100 baht Thailand	9.2049	9.6104	9.6577	9.7846	-5.9	-1.8
100 peso Filipina	7.1254	6.9047	7.1059	7.1900	-0.9	-4.0
100 rupiah Indonesia	0.0385	0.0395	0.0403	0.0404	-4.9	-2.2
100 won Korea	0.3739	0.3856	0.3827	0.3829	-2.3	0.7
Renminbi China	0.4686	0.4598	0.4582	0.4617	1.5	-0.4

Inflasi bulan Julai pada 4.1%

Inflasi, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHP), meningkat kepada 4.1% pada bulan Julai (Jun: 3.9%). Pada bulan itu, kenaikan inflasi disebabkan terutamanya oleh harga yang lebih tinggi bagi barangan dalam kategori *makanan dan minuman bukan alkohol*. Harga *pengangkutan* terus mencatat kenaikan yang lebih tinggi akibat kesan sampingan daripada kenaikan harga runcit bahan api sejak bulan Mac 2006. Bagi kategori lain, harga pada umumnya tidak berubah atau mencatat kadar kenaikan yang lebih rendah. Sementara itu, harga bagi *pakaian dan kasut* dan caj *komunikasi* menurun sejak setahun lalu.



Bermula 2006, kumpulan "makanan" telah diklasifikasi semula kepada "makanan dan minuman bukan alkohol"

Inflasi bulan Julai pada 4.1%

Kenaikan harga pengeluar sederhana pada bulan Jun

Kadar kenaikan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) sederhana kepada 8.9% pada bulan Jun (Mei: 11.1%). Penyederhanaan itu disebabkan terutamanya kenaikan harga yang lebih perlahan dalam kategori berkaitan komoditi berikutan kenaikan harga minyak mentah yang lebih sederhana pada bulan itu. Tidak termasuk kategori berkaitan komoditi, IHPR mencatat kadar kenaikan sebanyak 0.7% (Mei: -0.1%), disebabkan terutamanya inflasi yang lebih tinggi dalam kategori *makanan dan binatang hidup*, dan *barangan pembuatan*.



Kenaikan PPI sederhana pada bulan Jun

Peningkatan dalam pinjaman terkumpul menyokong pengembangan wang secara luas

Wang secara kecil atau M1 berkembang pada kadar tahunan 9.7% pada bulan Julai (Jun: 10.1%). Sementara itu, wang secara luas atau M3 meningkat pada kadar tahunan yang lebih tinggi sebanyak 7.6% (Jun: 6.4%). Pada asas bulanan, tuntutan terhadap sektor swasta memberikan kesan pengembangan terhadap M3, terutamanya disebabkan kenaikan pinjaman terkumpul yang berterusan, di samping kenaikan dalam pemegangan sekuriti oleh sistem perbankan. Faktor-faktor ini telah diimbangi sebahagiannya oleh tuntutan bersih terhadap Kerajaan dan operasi luaran bersih yang lebih rendah. Tuntutan bersih terhadap Kerajaan lebih rendah kerana Kerajaan menyimpan perolehan daripada terbitan sekuriti Terbitan Pelaburan Kerajaan (GII) dengan Bank Negara Malaysia.

Penentu-Penentu M3
(RM bilion)

	Perubahan pada tempoh			
	2004	**2005**	**Jun 06**	**Jul 06**
M3	68.0	49.7	1.0	4.5
Tuntutan bersih terhadap Kerajaan	-15.9	-5.5	-2.8	-0.7
Tuntutan terhadap sektor swasta	30.6	44.6	4.6	5.6
Pinjaman	*39.8*	*45.0*	*4.1*	*4.9*
Sekuriti	*-9.2*	*-0.4*	*0.5*	*0.7*
Operasi luar negeri bersih *	82.7	17.4	-0.7	-0.6
Pengaruh lain	-29.4	-6.8	-0.1	0.2

* Sebelum penilaian semula rizab antarabangsa



Deposit sistem perbankan meningkat pada bulan Julai

Pada bulan Julai, deposit perusahaan perniagaan, individu dan Kerajaan Persekutuan yang lebih tinggi telah menyebabkan jumlah deposit meningkat RM7.4 bilion atau 10.1% (Jun: +RM5.9 bilion atau +8.1%). Mengikut jenis, perjanjian beli balik (repo) meningkat dengan nyata berbanding dengan bulan sebelum ini, disebabkan terutamanya oleh perusahaan perniagaan dan, pada bahagian yang lebih kecil, oleh institusi kewangan. Sebaliknya, kenaikan dalam deposit tetap disebabkan sebahagian besarnya oleh individu.

Deposit mengikut Penyimpan
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Apr 06	**Mei 06**	**Jun 06**	**Jul 06**
Kerajaan Persekutuan	-173	-633	753	1,188
Kerajaan Negeri	255	-304	49	-321
Badan Berkanun [1]	-1,814	862	1,798	-1,200
Institusi Kewangan	2,849	-1,538	1,844	-102
Perusahaan Perniagaan	-751	4,367	-295	3,720
Individu	1,808	-980	1,736	3,244
Lain-lain [2]	33	-8	-4	883
Jumlah	2,207	1,767	5,881	7,413

1/ Termasuk Kerajaan tempatan

2/ Termasuk lain-lain entiti tempatan dan entiti bukan bank asing

Deposit mengikut Jenis
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Apr 06	**Mei 06**	**Jun 06**	**Jul 06**
Deposit tetap	5,437	1,795	-967	1,910
NID	-3,271	3,761	3,267	-216
Deposit permintaan	921	1,090	2,722	-152
Deposit tabungan	-128	-896	-178	123
Perjanjian beli balik (Repo)	632	-5,053	782	4,056
Deposit mata wang asing	-1,263	-423	121	109
Deposit SPI	-577	1,718	-93	707
Lain-lain	456	-225	226	876
Jumlah	2,207	1,767	5,881	7,413

Pertumbuhan pembiayaan bersih sektor swasta berterusan

Pada bulan Julai, jumlah pembiayaan kasar kepada sektor swasta daripada sistem perbankan dan pasaran modal berjumlah RM44.7 bilion (Jun: RM44.6 bilion). Jumlah terbitan sekuriti hutang swasta (PDS) meningkat,

manakala pinjaman yang dikeluarkan rendah sedikit pada bulan itu. Pada asas bersih, pembiayaan sektor swasta melalui pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul, berkembang pada kadar tahunan lebih pantas, iaitu 9.6% (Jun: 9.1%).



Paras pembiayaan kasar sektor swasta stabil



Permohonan pinjaman lebih tinggi pada asas bulanan

Penunjuk Pinjaman Bank

	RM bilion		Pertumbuhan Tahunan (%)	
	Jun[a]	Jul[a]	Jun	Jul
Jumlah				
Permohonan pinjaman	22.8	24.3	-12.2	-11.0
Kelulusan pinjaman	17.9	14.2	8.9	-21.8
Pengeluaran pinjaman	43.6	42.2	-4.8	1.2
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	4.7	4.7	8.6	9.3
Perusahaan perniagaan[2/]				
Permohonan pinjaman	11.7	12.5	-4.1	-8.8
Kelulusan pinjaman	10.4	6.6	55.9	-24.6
Pengeluaran pinjaman	29.9	30.1	-7.9	5.2
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	1.7	1.1	4.1	5.4
PKS				
Permohonan pinjaman	5.2	5.4	t.b[3/]	t.b.[3/]
Kelulusan pinjaman	3.5	2.8	t.b.	t.b.
Pengeluaran pinjaman	10.8	11.4	t.b.	t.b.
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	0.4	0.8	t.b.	t.b.
Isi rumah				
Permohonan pinjaman	11.1	11.8	-19.4	-13.2
Kelulusan pinjaman	7.5	7.7	-23.1	-19.2
Pengeluaran pinjaman	13.7	12.1	2.7	-7.7
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	2.4	2.4	13.3	12.7

t.b. tidak berkenaan

[1/] Pertumbuhan tahunan adalah jumlah terkumpul pada akhir tempoh.

[2/] Berikutan pengelasan baru sistem statistik institusi kewangan (FISS) berkuatkuasa April 2006, dan bagi memastikan perbandingan kadar tahunan dapat dilaksanakan bagi permohonan, kelulusan, pengeluaran dan bayaran balik pinjaman, kategori bagi perusahaan perniagaan telah diperluaskan dengan merangkumi pinjaman kepada pelanggan lain iaitu institusi kewangan bukan bank, Kerajaan, entiti bukan perusahaan perniagaan milik tempatan serta entiti asing. Pinjaman ini mencakupi sebahagian kecil berbanding pinjaman kepada perusahaan perniagaan. Arah aliran kadar pertumbuhan masih sama seperti sebelum perluasan kategori tersebut.

[3/] Bermula pada bulan Mac 2006, pertumbuhan tahunan tidak berkenaan disebabkan terdapat pengelasan semula antara PKS dan perusahaan besar berikutan penerimaan pakai definisi standard PKS seperti yang diluluskan oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan.

a Awalan. Bermula pada bulan April 2006, data adalah tertakluk kepada semakan berikutan perubahan dalam pengelasan penunjuk pinjaman mengikut sektor dan tujuan ekonomi.

Pengeluaran pinjaman kepada sektor perniagaan terus berkembang



A: Data untuk April - Julai 2006 adalah awalan tertakluk kepada perubahan.

Pengeluaran pinjaman kepada sektor-sektor utama berterusan

Pada asas bulanan, sektor perniagaan dan individu telah menyumbang kepada kenaikan dalam permohonan pinjaman, manakala penurunan dalam kelulusan pinjaman pula disebabkan terutamanya oleh syarikat besar. Pada asas tahunan, pengeluaran pinjaman adalah lebih tinggi berikutan pembiayaan yang meningkat kepada sektor perniagaan.

Pada akhir bulan Julai, pinjaman terkumpul meningkat pada kadar tahunan 9.3% (akhir Jun: 8.6%). Manakala pinjaman perniagaan terkumpul naik pada kadar tahunan 5.4% (Jun: 4.1%), pinjaman isi rumah terkumpul pula mencatat kenaikan yang rendah sedikit, iaitu 12.7% (Jun: 13.3%).

Dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal lebih rendah

Dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal lebih rendah pada bulan Julai, berjumlah RM2.5 bilion (Jun: RM3.9 bilion). Sejumlah besar dana diperoleh sektor awam melalui terbitan baru Terbitan Pelaburan Kerajaan (GII) 5-tahun yang baru, berjumlah RM3 bilion. Dalam pasaran sekuriti hutang swasta (PDS), jumlah dana kasar sebanyak RM2 bilion telah diperoleh terutamanya oleh syarikat dalam sektor kewangan, harta benda dan pembinaan. Walau bagaimanapun, pasaran PDS mencatat kedudukan penebusan bersih sebanyak RM891 juta ekoran penebusan PDS dan bon Cagamas bernilai RM2.9 bilion pada bulan itu. Jumlah dana yang lebih tinggi sebanyak RM417 juta telah diperoleh dalam pasaran ekuiti, terutamanya melalui tawaran awam awal. Secara keseluruhan, sektor swasta mencatat penebusan bersih sebanyak RM474 juta pada bulan itu.



Prestasi KLCI terus bertambah baik

Sentimen positif pada separuh kedua bulan Julai, yang didorong terutamanya oleh pengumuman kerajaan mengenai projek infrastruktur di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), meningkatkan sentimen pasaran ekuiti tempatan. KLCI ditutup tinggi sedikit pada 935.85 atau 2.3% lebih tinggi berbanding dengan akhir bulan Jun. Permodalan pasaran meningkat kepada RM727.8 bilion (sejak akhir bulan Jun: 0.8%), sementara urus niaga purata harian meningkat kepada 801.8 juta unit (Jun: 447.6 juta unit).



KLCI terus bertambah baik kerana sentimen tempatan yang positif

Pada 29 Ogos, indeks komposit ditutup tinggi sedikit dengan KLCI pada 953.22 (sejak akhir bulan Julai: 1.9%). Permodalan pasaran keseluruhan tinggi sedikit pada RM737.4 bilion (sejak akhir bulan Julai 1.3%), namun aktiviti urus niaga menurun dengan ketara, dengan urus niaga harian purata pada 463.2 juta unit.

Rizab antarabangsa

Rizab antarabangsa bersih Bank Negara Malaysia berjumlah RM290.4 bilion atau bersamaan USD79.1 bilion pada 31 Julai 2006. Rizab meningkat kepada RM291 bilion atau bersamaan USD79.2 bilion pada 15 Ogos 2006. Paras rizab ini memadai untuk membiayai 8.1 bulan import tertangguh dan ialah 6.2 kali hutang luar jangka pendek.



Sistem perbankan terus mantap dalam keadaan paras permodalan yang mampan

Paras permodalan sistem perbankan terus kukuh, dengan nisbah modal wajaran risiko (RWCR) dan nisbah modal teras tidak berubah, masing-masing pada 12.9% dan 10.1%. Modal asas menjadi kukuh kepada RM87.5 bilion disebabkan keuntungan separuh tahun dalam keadaan pengembangan yang berterusan dalam aset wajaran risiko. Pada akhir bulan ini, nisbah pinjaman tidak berbayar (NPL) bersih berdasarkan klasifikasi 3 bulan turun sedikit kepada 5.5%, manakala NPL bersih berdasarkan klasifikasi 6 bulan kekal pada 4.2%.

Penunjuk Keadaan Sistem Perbankan *

	Pada akhir tempoh									
	1999	2000	2001	2002	2003	2004	2005	Mei 06	Jun 06	Jul 06
Modal (%)										
Nisbah modal teras	10.1	10.7	11.1	11.1	11.1	11.4	10.7	10.1	10.1	10.1
RWCR	12.5	12.5	13.0	13.2	13.8	14.4	13.7	12.8	12.9	12.9
NPL bersih (klasifikasi 6 bulan)										
% jumlah pinjaman bersih	6.4	6.3	8.1	7.5	6.8	5.8	4.6	4.3	4.2	4.2
Jumlah (RM juta)	23,849	24,700	32,833	31,702	30,766	28,590	24,468	23,912	23,528	23,609
Peruntukan am/Jumlah pinjaman bersih (6 bulan, %)	1.9	1.9	1.9	1.8	1.8	1.7	1.7	1.7	1.5	1.7

* Mulai Jun 1999, jadual ini termasuk bank-bank Islam.
* Mulai April 2005, pengiraan RWCR dan nisbah modal teras merangkumi faktor risiko pasaran.





Bank Negara Malaysia
30 Ogos 2006

C:\MSB-JULY-BM-FY.doc

Perangkaan Utama Monetari dan Kewangan

		Mei 06		Jun 06		Jul 06	
		Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan
		(RM b)	(%)	(RM b)	(%)	(RM b)	(%)
Agregat Monetari							
Wang rizab		53.3	4.7	53.4	5.4	53.7	5.3
M1		125.2	9.1	128.3	10.1	128.3	9.7
M2		644.0	14.8	657.2	11.2	662.7	12.7
M3		692.9	6.1	693.9	6.4	698.3	7.6
Sistem Perbankan							
Jumlah deposit		717.1	7.7	723.0	8.1	730.4	9.8
Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas)		574.7	8.9	579.3	8.6	584.1	9.3
Nisbah pinjaman-deposit (%)		76.9		77.2		76.9	
Nisbah pembiayaan-deposit [1] (%)		85.5		85.7		85.7	
Pinjaman yang dipohon (pada tempoh berkenaan)		26.6	-2.6	22.8	-12.2	24.3	-11.0
Pinjaman yang diluluskan (pada tempoh berkenaan)		16.4	-1.3	17.9	8.9	14.2	-21.8
Pinjaman yang dikeluarkan (pada tempoh berkenaan)		42.3	-2.6	43.6	-4.8	42.2	1.2
Pinjaman yang dibayar balik (pada tempoh berkenaan)		38.2	-3.5	38.5	-4.5	38.3	-7.4
Keadaan Sistem Perbankan							
Nisbah Modal Wajaran Risiko (RWCR) (%)		12.8		12.9		12.9	
NPL bersih: Klasifikasi 6 bulan (%)		4.3		4.2		4.2	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)							
Rizab dalam RM bilion		289.5		289.3		290.4	
Rizab dalam Dolar AS bilion (bersamaan)		78.7		78.8		79.1	
Bilangan bulan import tertangguh		8.2		8.2		8.1	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]							
Kadar Dasar Semalaman (OPR)		3.25		3.50		3.50	
Antarabank:	Semalaman	3.47 [3.48]		3.51 [3.49]		3.49 [3.49]	
	Seminggu	3.54 [3.54]		3.55 [3.55]		3.51 [3.55]	
	1 bulan	3.69 [3.73]		3.78 [3.78]		3.75 [3.77]	
Deposit tetap bank perdagangan:	1 bulan	3.11		3.11		3.12	
	3 bulan	3.17		3.18		3.19	
BLR bank perdagangan		6.72		6.72		6.72	
ALR bank perdagangan		6.51		6.55		6.63	
Harga							
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2000=100)		103.6	3.9	103.8	3.9	104.0	4.1
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) (1989=100)		174.6	11.1	172.4	8.9	t.d.	t.d.
Kadar Pertukaran Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih (akhir tempoh)							
Dolar AS		3.6290		3.6750		3.6535	
Euro		4.6689		4.6698		4.6653	
Paun Sterling		6.8298		6.7352		6.8163	
100 Yen Jepun		3.2348		3.1963		3.1946	
Dolar Singapura		2.3023		2.3126		2.3160	
100 Baht Thailand		9.5100		9.6104		9.6577	
100 Peso Filipina		6.8692		6.9047		7.1059	
100 Rupiah Indonesia		0.0393		0.0395		0.0403	
100 Won Korea		0.3837		0.3856		0.3827	
Pasaran Modal							
Dana bersih (RM b) yang diperoleh sektor:	awam	2.9		2.8		3.0	
	swasta	1.1		1.1		-0.4	
Indeks Komposit Bursa Malaysia (akhir tempoh)		927.8		914.7		935.9	
Permodalan Pasaran Bursa Malaysia (RM b) (akhir tempoh)		727.3		721.8		727.8	

[1] Merujuk kepada nisbah pinjaman dan pegangan sekuriti hutang swasta (PDS) oleh sistem perbankan atas deposit sistem perbankan.